



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
15 JULAI 2019 (ISNIN)**

AKHBAR

MUKA SURAT

Harian Metro

- | | |
|--------------------------------------|----|
| - Pertimbang naik kompaun kes denggi | 28 |
|--------------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 JULAI 2019 (ISNIN)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Pertimbang naik kompaun kes denggi
Muka Surat	28



PENDUDUK Taman Puchong Utama bergotong-royong membersihkan penempatan mereka.

15/7/19 MS 28
Pertimbang naik kompaun kes denggi

Puchong: Kerajaan Selangor akan mempertimbangkan untuk mengubah polis bagi menaikkan jumlah kompaun lebih berat kepada pemilik premis termasuk badan pengurusan bersama (IMB) sekiranya menjadi sarang perubakan jentik-jentik. Pengerusi Tetap Jawatankuasa Kesihatan, Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Dr Siti Mariyah Mahmud berkata, langkah itu akan dibuat sekiranya kes denggi di negeri ini terus meningkat.

Menurutnya, pihaknya termasuk pihak berkuasa

tempatan (PBT) sudah melakukan pelbagai cara untuk menganalisa masalah itu namun peningkatan kes terus mendadak.

"Jika masih berlaku maka kita akan hantar satu polisi baru bagi menaikkan jumlah kompaun. Saya akan libat pada jumlah kes serta saman yang sudah dikeluarkan di negeri ini terlebih dulu."

"Kita bukan saja-saja nak saman. Perkara ini memberi kesan kepada orang lain akibat kecualian berikutan sikap tidak mengendahkan kawasan mereka itu menjadi sarang denggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di dalam Majlis Pelancaran Program Mega Cari Dan Musnah Aedes Negeri Selangor Peringkat Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) 2019 di Taman Puchong Utama, di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata phaknya turut akan menggunakan kaedah 'name and shame' iaitu menghebahkan nama lokasi yang mencatatkan kes denggi tertinggi dengan niat memberi kesedaran.

Katanya lagi, ia termasuk tindakan menghebahkan

nama jabatan dan agensi Kerajaan Negeri mahupun Persekutuan kepada umum jika persekitaran pejabat mereka dikesan menjadi tempat pembiakan denggi.

Turut hadir, Timbalan Yang Dipertua MPSJ Mohd Zulkurnain Che Ali dan Ahli Majlis Zon 15 MPSJ Datuk Kamaruzaman Ibrahim.

Sementara itu, Dr Siti Mariyah berkata, sehingga 6 Julai lalu, sebanyak 37,263 kes positif dengan direkodkan dan daerah Petaling mencatatkan jumlah yang tertinggi diikuti Hulu Langat, Gombak dan Klang.